

10/02/1999

MCA anggap pemimpin Pas hipokrit

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menganggap kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai satu taktik parti itu untuk menarik perhatian pengundi bukan Islam menjelang pilihan raya umum nanti.

Menurutnya, kenyataan Menteri Besar Kelantan itu mencerminkan sikap hipokrit yang wujud dalam kerjasama Pas-DAP yang cuba mengambil kesempatan daripada isu semasa di negara ini.

"Anda boleh bertanya kepada penduduk Kelantan sejak negeri itu diambil alih Pas. Adakah mereka gembira dengan pelbagai perubahan dan undang-undang baru yang dilaksanakan," katanya mengulas kesediaan Pas mempertahankan kebebasan beragama di negara ini.

Nik Aziz berkata, parti itu tidak akan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menubuhkan sebuah kerajaan Islam jika menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, cadangan untuk meminda perlembagaan tidak timbul kerana rakyat pelbagai kaum bebas menganut agama masing-masing.

Dr Ling berkata, masyarakat Cina tidak akan terpengaruh dengan taktik, sebaliknya akan terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya nanti.

Sementara itu, Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw, pula berkata parti itu akan memutuskan hubungan kerjasama jika Pas berusaha menubuhkan sebuah negara Islam.

"DAP akan terus bekerjasama dengan semua parti pembangkang selagi mereka mempertahankan prinsip kebebasan beragama dan mempertahankan perlembagaan negara.

"Malah, DAP kini sudah menjalin kerjasama dengan Pas melalui forum atau diskusi dalam menyuarakan kepentingan semua kaum dan memastikan hak asasi manusia dipertahankan," katanya.

Dr Tan berkata, DAP tidak mahu membuat pelbagai andaian daripada kenyataan pemimpin Pas itu, yang bersetuju mengekalkan kebebasan beragama jika memperolehi majoriti dua pertiga.

"Tidak baik kita bersangka buruk kepada mana-mana pihak sama ada Pas mahupun Umno. Kita bukan saja bekerjasama dengan Pas, malah dengan Umno menerusi penyertaan dalam beberapa jawatankuasa pusat yang ditubuhkan.

"Ketika ahli kongres Amerika Syarikat meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meletak jawatan, DAP turut membantah kerana mereka tidak berhak mencampuri urusan pentadbiran negara," katanya.

Beliau berkata, pemimpin asing tidak berhak meminta Perdana Menteri meletak jawatan, sebaliknya masalah itu perlu diserahkan kepada rakyat negara ini melalui proses pilihan raya.

(END)